



Kamariah Senik, bersama cucunya melihat keadaan rumahnya yang dinaiki air di Jalan Sekolah Cina, Kampung Kubang Chenok, Rantau Panjang.

[FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]



Penduduk menggunakan sampans untuk melakukan aktiviti harian mereka di Jalan Sekolah Cina, Kampung Kubang Chenok, Rantau Panjang.

[FOTO JAUHARIATUL AKMAR JOHAR/BH]

BH 9/12/13 MS6

Kemas kini senarai mangsa banjir



65,956 orang mangsa banjir didaftarkan di seluruh negara

217 pusat pemindahan banjir di seluruh negara



BENCANA BANJIR



Naib Presiden Kelab Putera 1Malaysia, Datuk Mohd Farid Hassan (tiga dari kanan) membantu mengagihkan bekalan makanan sumbangan Kelab Putera 1Malaysia untuk mangsa banjir sekitar Pekan.

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]

» Bantuan diberi jika mangsa berpindah ke pusat pemindahan



Antara **kenderaan yang tersadai** di Bandar Baru Bukit Mentok, Kemaman akibat banjir. [FOTO BERNAMEA]

Oleh Lum Chee Hong,
Luqman Arif Abdul Karim
dan Shamsudin Husin
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah mengemaskini pendaftaran mangsa banjir untuk pengagihan bantuan khas RM500 sejak pusat pemindahan dibuka, Isnin lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim, berkata setakat jam 4 petang semalam, sebanyak 65,956 mangsa banjir sudah didaftarkan daripada 217 pusat pemindahan di seluruh negara.

Katanya, daftar mangsa banjir itu akan diserahkan kepada Majlis Keselamatan Negara yang akan mengendalikan pengagihan bantuan dalam tempoh terdekat.

“Saya akan minta pegawai JKM yang bertugas di pusat pemindahan supaya segera mengemaskini

senarai nama Ketua keluarga mangsa banjir. Bantuan disalurkan mengikut daftar mangsa banjir yang hanya akan dilakukan, sekiranya mangsa berpindah ke pusat yang diuruskan JKM,” katanya dalam kenyataan semalam.

Pulih sistem komunikasi

Sementara itu, kerajaan memberi

jaminan sistem telekomunikasi yang terjejas dan terputus berikutan banjir besar yang melanda beberapa negeri termasuk Kemaman, dijangka pulih dalam masa terdekat.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan




Mokhtar Mamat **membersihkan rumahnya** di Jalan Sekolah Cina, Kampung Kubang Chenok, Rantau Panjang, semalam.

[FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]

Pemandangan Bandar Baru Bukit Mentok di Kemaman yang diambil dari Helikopter Bomba dan penyelamat ketika menghantar bantuan di seberang Tayur.

[FOTO HARIZ MOHD/BH]



Menteri Besar Kedah, Datuk Muhkriz Mahathir (dua dari kanan) mengangkat barangan keperluan sumbangan Badan Perhubungan UMNO Negeri Kedah untuk diagihkan kepada mangsa banjir; di PWTC, semalam.

[FOTO SYAHARIM ABIDIN/BH]

MKN senarai 18,207 keluarga terima bantuan

Kuching: Sebanyak 18,207 keluarga mangsa banjir di Semenanjung sudah disenaraikan untuk menerima bantuan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata jumlah itu dikenal pasti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga jam 4 petang semalam.

Katanya, pihaknya akan menyerahkan senarai itu kepada MKN dalam tempoh terdekat sebagai persediaan mengagihkan bantuan RM500 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kelmarin.

65,956 orang mangsa banjir

“Sejak pendaftaran dibuka 2 Disember lalu hingga petang ini (semalam), senarai yang kami peroleh ialah seramai 65,956 orang daripada 18,207 keluarga disenarai sebagai mangsa banjir.

“Saya meminta pegawai JKM kemas kini senarai nama ketua keluarga bagi melancarkan proses pengagihan bantuan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Makan Malam Amal Kempen Tabung Pahlawan anjuran Sri Kandi, Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Cawangan Kuching, di sini, malam tadi.

Mangsa banjir boleh tangguh bayaran TEKUN

Bera: Kerajaan bersetuju membenarkan penangguhan pembayaran balik pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) bagi peminjam yang terjejas akibat bencana banjir.

Menteri Pertanian Industri dan Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata penangguhan itu bagi mengurangkan be-



Ahmad Shabery (kiri) ketika melawat mangsa banjir di Dewan Seri Amar, Chukai, Kemaman, semalam.

[FOTO BERNAMEA]

pihak penyedia telekomunikasi kini giat menjalankan kerja membaikpulihan sistem yang terjejas sejak beberapa hari lalu.

Kenal pasti menara rosak

“Pihak terbabit sudah mengenal pasti beberapa menara pemancar yang rosak serta ibu sawat tenggelam dan memer-

lukan beberapa hari lagi bagi menggantikan peralatan yang rosak,” katanya selepas memengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pasca Banjir di Bilik Gerakan di Pejabat Daerah Kemaman, di Chukai, semalam.

Dalam pada itu, pelbagai pihak terutama pasukan penyelamat diingatkan supaya me-

Nik Zaidah Nik Yusof, 30 (depan turun helikopter), yang sarat mengandungi **dibawa ke Bandar Jerantut** untuk rawatan di Hospital Jerantut menggunakan Pesawat Nuri SK61 dalam misi penerbangan ikhsan Mercy Flight Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).
[FOTO NAZIRUL ROSELAN/BH]

matuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ketika melakukan kerja menyelamatkan mangsa banjir yang sedang melanda beberapa negeri di Semenanjung.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata langkah itu bagi mengelakkan kemungkinan anggota pasukan terbabit akan turut menjadi mangsa korban bencana itu.

“NIOSH mahu pasukan penyelamat menggunakan peralatan perlindungan peribadi ketika melakukan kerja menyelamatkan, misalnya memakai tali pinggang keselamatan dan sebagainya. Saya berharap prosedur ini akan diikuti sepenuhnya oleh mereka,” katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

“
Bantuan disalurkan mengikut daftar mangsa banjir yang hanya akan dilakukan, sekiranya mangsa berpindah ke pusat yang diuruskan JKM”

Rohani Abdul Karim
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

ban peminjam yang perniagaan mereka terjejas akibat banjir.

“TEKUN bersedia menambah dana dan pinjaman tambahan kepada usahawan yang menjadi mangsa banjir sekiranya mereka mahu berbuat demikian bagi membolehkan mereka mengurus dan menjalankan perniagaan selepas ini.

Bantu teruskan perniagaan

“Saya percaya, mereka menghadapi masalah kewangan untuk pembayaran semula dan kita perlu membantu mereka bagi meneruskan perniagaan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat mangsa banjir di lapan pusat penempatan banjir di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Bera, Datuk A Rahman Hamzah.

Ismail Sabri yang juga Anggota Parlimen Bera berkata, peminjam yang berhasrat membuat pinjaman tambahan perlu mengisi borang permohonan dan mengikut prosedur ditetapkan.

“TEKUN menyediakan dana tambahan antara RM5,000 hingga RM10,000 bagi setiap usahawan supaya mereka dapat menyambung perniagaan dengan lebih baik,” katanya.

BERNAMA



Mangsa banjir di Kampung Lamir, Pekan, Rosslinda Abdul Ghariff, **melihat keadaan rumahnya** yang digenangi air
[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]